



## SIARAN AKHBAR

### **MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA TAHUN 1445H/2024M**

---

*Hari Rabu, 4 Sya'ban 1445H / 14 Februari 2024M,*

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Tahun 1445H/2024M, yang diselanggarakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Majlis berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, selaku Pemangku Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

Majlis disemarakkan dengan ceramah khas bertajuk "Kenapa Isra' Mi'raj" yang disampaikan oleh penceramah undangan Yang Mulia Ustaz Muhammad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit, Pengasas Syarikat Sofwah. Yang Mulia Ustaz menyampaikan tazkirah mengenai peristiwa luar biasa yang tercatat dalam sejarah Islam iaitu pengembalaan Nabi Muhammad SAW dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjid Al-Aqsa di Palestin (Isra') dengan kesusahan dan kesukaran baginda. Ceramah sambung, baginda ke langit bertemu dengan Allah SWT (Mi'raj) dalam tempoh sebahagian malam sahaja, dalam peristiwa ini membuktikan akan kehebatan dan belas kasihan Allah SWT dengan kurniaan mukjizat dan tanda kuasa Allah SWT dalam menjadikan segala kewujudan dari tiada kepada ada.

Sambutan ini adalah kegiatan tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam menyemerakkan dan memperingati peristiwa agung Isra' dan Mi'raj disamping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
14 Februari 2024**